

Tarikh dibaca: 10 Zulhijjah 1441H



KHUTBAH EIDUL ADHA

Tajuk:

“PENGAJARAN IBADAH KORBAN”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"PENGAJARAN IBADAH KORBAN"

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَاصِيَّلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ²

Muslimin muslimat sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hanya dengan takwa, kita menjadi insan yang paling mulia di sisi Allah SWT.

¹ Al-kausar : 2.

² Ali Imran : 102.



Tajuk khutbah Eidul Adha pada pagi yang penuh barakah ini adalah **"PENGAJARAN IBADAH KORBAN"**.

Hadirin hadirat sekalian,

Hari ini kita menyambut Eidul Adha dengan penuh rasa ketakwaan dan kesyukuran. Kita sambut dengan bertakbir, solat sunat Eidul Adha, mendengar khutbah dan menyembelih binatang korban. Walaupun masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Eidul Adha tetap dirayakan dengan penuh disiplin, mengikut SOP ditetapkan dan kawalan kendiri masing-masing bagi mengelakkan sebarang penularan semula Covid-19.

Eidul Adha mengajar kita erti sebuah pengorbanan yang bersifat Taabudiah atau kepatuhan dan ketaatan yang tidak berbelah bagi, yang tidak boleh dipersoalkan dan dipertikaikan mengikut logik akal. Sesungguhnya hanya Allah Yang Maha Besar lagi Maha bijaksana dengan segala ketetapan-Nya. Segala ruang lingkup kehidupan manusia hanya kerana Allah. Maha Suci Allah dari segala sifat makhluk. Kita sebagai manusia adalah serba lemah dan hina di sisi Allah. Namun Allah Maha Pengasih dengan memberikan pelbagai nikmat antaranya nikmat kesihatan, kesejahteraan dan kekuatan untuk terus mengerjakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Oleh itu, marilah kita membesar Al-Khalik dengan bertakbir sehingga 13 Zulhijjah dengan penuh rasa insaf dan syukur.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin muslimat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Ibadah korban adalah amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah korban



adalah satu ekosistem kemasyarakatan yang berkait rapat dengan rangkaian kehidupan si kaya dan si miskin, rangkaian kehidupan dan kematian, dan rangkaian pemupukkan kehidupan bermasyarakat seterusnya. Lalu kebaikan yang terserlah adalah terpaut eratnya hubungan persaudaraan antara anggota masyarakat dan menanamkan semangat hidup berjemaah serta berkasih sayang. Allah menyuruh umat Islam untuk melakukan ibadah korban berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Hajj ayat 36:

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَا لَكُم مِّنْ شَعَرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ

"Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar ugama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu."

Ibadah korban juga dapat mengajar dan mendidik kita bahawa berkorban adalah suatu perkara yang memerlukan langkah dan strategi yang betul, berilmu pengetahuan dan tekad yang jitu untuk melaksanakannya. Bukan suatu perkara yang mengikut hal keadaan biasa, dan kewenangan yang ada. Usaha bagi mengambil bahagian dalam ibadah korban memerlukan langkah-langkah yang memungkinkan ianya dapat dilaksanakan setiap tahun. Tidak kira sama ada melakukan korban dengan satu bahagian atau lebih. Disitulah hakikat ketakwaan yang panjang dan tidak pernah putus kepada Allah. Allah hanya menerima ibadah korban jika dilaksanakan semata-mata kerana takwa kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hajj ayat 37:

لَن يَنَالَ اللَّهُ لُؤْمُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِن يَنَالُهُ الْتَّقْوَىٰ مِنْكُمْ



"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu."

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia sekalian,

Pengajaran yang besar dalam ibadah korban ini ialah menghayati dan mencontohi semangat pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim A.S. Nabi Ibrahim A.S. melaksanakan perintah Allah untuk menyembelih anaknya yang dikasihi iaitu Nabi Ismail A.S. Perintah menyembelih ini adalah satu ujian yang amat berat. Nabi Ibrahim A.S. korbankan kasih anak dengan memilih keredhaan Allah. Ini bererti Nabi Ibrahim A.S. telah termasuk dalam golongan orang yang berbuat kebaikan. Maka dengan itu, Allah membala orang yang melakukan kebaikan dengan kegembiraan. Allah berfirman dalam surah As-Saffat ayat 107:

وَفَدَيْنَاهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٧﴾

"Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar".

Mengimbau pengorbanan Nabi Ibrahim A.S., umat Islam hendaklah tunduk dan patuh dengan melaksanakan apa-apa yang diperintahkan oleh Allah dan sentiasa ingat kepada ancaman Allah jika tidak mematuhi perintah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 14:



وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودُهُ يُدْخِلُهُ نَارًا خَلِدًا فِيهَا

١٤

وَلَهُ وَعَذَابٌ مُّهِينٌ

"Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas-batas Syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekalah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina."

Oleh itu, setiap pengorbanan untuk mencari keredhaan Allah akan dibalas dengan kebaikan dari Allah. Sebagai contoh, Allah turunkan ujian besar dengan virus Covid-19 yang membawa maut ratusan ribu manusia di seluruh dunia, maka sudah tentu memerlukan pengorbanan dan kesabaran. Memerlukan kepatuhan yang tinggi kepada ketetapan yang dibuat oleh pemerintah atau ulil amri. Berkorban untuk tidak melakukan yang biasa, sebaliknya hari ini sebarang langkah dan tindakan yang silap akan mengundang kesan yang berbahaya dan menjadi malang kepada orang lain, keluarga, masyarakat dan negara. Alhamdulillah, dengan berkat tabah dan taat, maka Allah hilangkan virus ini sedikit demi sedikit untuk kita jalani kehidupan dengan lebih baik dan ceria.

Hadirin Jumaat sekalian,

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa juu situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan



kefahaman mengikut garis rentas kalimah ﷺ لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin muslimat yang dihormati sekalian,

Sebagai mengakhiri khutbah, bersama ini disampaikan beberapa pengajaran penting dalam ibadah korban:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa amalan ibadah korban adalah suatu yang menambah keyakinan bahawa hanya Islam sahaja sebagai cara hidup sahih atau Ad-Din di sisi Allah.
2. Umat Islam wajib mensyukuri dan membesarakan Allah setiap waktu.
3. Umat Islam hendaklah ikhlas, redha dan sabar dalam melaksanakan perintah Allah dan pemimpin.
4. Umat Islam hendaklah mencontohi kesetiaan Nabi Ibrahim A.S. dalam mengutamakan pelaksanaan perintah Allah SWT.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَتَرَكَنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ١٠٩ سَلَامٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ١٠٨

"Dan Kami kekalkan baginya (nama yang harum) dalam kalangan orang-orang yang datang kemudian. Salam sejahtera kepada Nabi Ibrahim!".

(al-Saffat : 108-109).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتٍ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى نِعْمَةِ الْإِسْلَامِ وَالْإِيمَانِ
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الْدِينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang berbahagia,

Dalam usaha kita memutuskan rantai Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejada masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan



sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ وَيَا
قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ
تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ، سُلْطَانَ سَلاَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ
الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ
عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ،
تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu



padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمَحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا أَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾

فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَإِذْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَال
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
